

## Cerita Lisan sebagai Sumber Pelancongan: Suatu Perbandingan di Malaysia dan Singapura

### Oral Story as Source for Tourism: A Comparative between Malaysia and Singapore

MOHAMAD LUTHFI ABDUL RAHMAN

#### ABSTRAK

*Makalah ini akan membicarakan peranan cerita-cerita lisan dalam industri pelancongan di Malaysia dan Singapura. Cerita lisan sama ada yang berbentuk cerita pendek biasa ataupun yang bersifat legenda sebenarnya mempunyai fungsi besar dalam era kontemporari ini. Jika dahulu ia hanya menjadi sumber hiburan kepada masyarakat desa ataupun sekadar kenangan terhadap sesuatu peristiwa atau kejadian yang pernah berlaku, kini cerita lisan menjadi salah satu tarikan pelancongan. Bertitik tolak daripada pandangan Mohd Khalid Taib (1991) dan Trevor (2009), makalah ini bertujuan untuk kemukakan beberapa cerita lisan yang telah dan pernah digunakan sebagai tarikan pelancongan sama ada di Malaysia dan Singapura. Di Malaysia ditumpukan di Pulau Langkawi dan juga Gunung Jerai di Kedah. Manakala di Singapura pula difokuskan kepada beberapa pulau yang menjadi lokasi pelancongan. Objektif kedua pula untuk melihat bagaimanakah cerita lisan ini dijadikan sebagai sumber pelancongan seperti dimasukkan ke dalam laman web pelancongan ataupun cerita tersebut ditulis semula di kawasan tertentu dan juga dibina sesuatu monumen untuk memberi gambaran visual terhadap cerita tersebut? Kaedah perbandingan yang digunakan adalah untuk melihat sejauh mana cerita lisan ini digunakan di Malaysia dan Singapura serta bagaimana dapat dimanfaatkan untuk industri pelancongan masing-masing.*

Kata kunci: *Cerita lisan; legenda; pelancongan; Malaysia; Singapura; kaedah*

#### ABSTRACTS

*This essay will discuss the role of oral literature in Malaysia and Singapore's tourism. Oral literature, either in the form of common short stories, or in the form of legends has a wider function in the contemporary era. In the past it was a tool of entertainment. However today it has become a point in attracting tourists. Looking at Mohd Khalid Taib's (1991) and Trevor's (2009) views, this essay intends to present a few oral stories that have been attracting tourists to Malaysia or Singapore. From Malaysia's side, the stories chosen are from Pulau Langkawi and Gunung Jerai in Kedah. While in Singapore the focus is on a few islands that have become tourist locations. The second objective of this essay is to look into how the oral stories are used as attractions and later uploaded to websites, or how the story is rewritten at a certain place or built as a monument to give a visual picture of the story. This comparative approach allows to inspect how these oral literature is manipulated for tourism purpose.*

Keywords: *Oral story; legends; tourism; Malaysia; Singapore; approach*

#### PENDAHULUAN

Folklore atau *Oral Tradition* atau Tradisi Lisan (lihat Dundes 1965 dan Mohd Taib Osman 1982) merupakan satu konsep yang merujuk kepada segala bentuk kesenian dan kepakaran yang ada dalam sesuatu masyarakat. Sama ada *folklore* atau Tradisi Lisan, di dalamnya terkandung cerita-cerita lisan / cerita rakyat, persembahan, seni pertukangan / kraf, lagu-lagu rakyat, puisi rakyat, jenaka, teka teki dan banyak lagi. Kepakaran tersebut dimiliki oleh sesuatu masyarakat dan bersifat tempatan, yakni ia tidak secara meluas dan hanya diketahui oleh masyarakat pemilik sahaja. Kepakaran dan kesenian

ini juga lazimnya dikuasai dan diperturunkan kepada satu generasi kepada satu generasi secara lisan. Kebiasaan tidak ada sebarang pengajian formal untuk perwarisan ini dalam konteks yang sebenar.

Makalah ini hanya akan memfokuskan dan dibatasi kajian kepada cerita lisan sepenuhnya atau disebut sebagai *folktales* (Dundes 1965). Terdapat pelbagai bentuk genre dalam kesusasteraan lisan di alam Melayu. Ada cerita lisan yang panjang dan dituturkan oleh seorang tukang cerita yang biasanya dipanggil penglipur lara. Cerita sebegini dikatakan sebagai cerita lipur lara jika ia berfungsi untuk memberi hiburan kepada khalayak pendengarnya (Mustafa Mohd Isa 1987). Ada juga cerita lisan

yang memerihalkan tentang seseorang tokoh tertentu yang dipercayai benar-benar hidup suatu masa dulu. Tokoh ini pula secara kelazimannya memiliki beberapa keistimewaan yang tidak ada pada manusia biasa, ini disebut sebagai cerita legenda. Ada juga cerita lisan yang lebih mendapat perhatian dan penghormatan daripada masyarakat yang memiliki dan mewarisi cerita tersebut. Mereka menganggapnya sebagai suci dan sakral serta tidak boleh dibuat sembarangan terhadap cerita tersebut. Cerita yang dianggap mitos seperti itu seringkali memerihalkan tentang sesuatu makhluk, jin atau sebarang watak yang dianggap sebagai penaung atau pelindung kepada masyarakat mereka. Cerita sebegini banyak terdapat dalam kalangan masyarakat Orang Asli kerana adakalanya terdapat ritual tertentu yang dilakukan berkaitan dengan watak dalam cerita mitos tersebut (lihat Mohamad Luthfi Abdul Rahman 2008).

Namun, di sebalik cerita-cerita lisan yang besar dan bersifat elit dalam konteks yang tersendiri, masyarakat di Nusantara ini sebenarnya turut memiliki cerita-cerita lisan yang pendek dan korpus ini sangat besar kerana boleh dikatakan ia berada di semua tempat:

...memang terdapat cara berseni dalam menutur cerita berdasarkan pengalaman kami sendiri merakamkan, dengan pita rakaman, cerita-cerita dari Tuk Selampit, Awang Batil ataupun Cik Ti di Hulu Tembeling. Penceritaan mereka ini berbeza daripada ibu kita bercerita tentang cerita-cerita teladan atau cerita binatang pendek ataupun penceritaan yang berlaku di sekeliling unggun api di kalangan kumpulan-kumpulan pembalak atau pemungut hasil hutan di rimba raya. Amin Sweeney memberi istilah ‘stylized’ bagi penceritaan oleh penglipur lara, sementara ‘non-stylized’ bagi penceritaan dalam bahasa lisan sehari-hari bagi cerita-cerita pendek seperti lelucon atau cerita binatang (Mohd. Taib Osman dalam Hassan Ahmad 2004:1xi).

Bertitik tolak daripada pandangan ini jelas bahawa cerita lisan pendek yang dituturkan oleh orang tua-tua di kampung sebenarnya mempunyai kedudukannya yang tinggi. Ia bukanlah sekadar cerita-cerita hiburan sebaliknya mengandungi rakaman silam tentang sesuatu masyarakat (lihat Jamilah Hani 2010). Cerita lisan pendek sebegini adakalanya menceritakan tentang asal usul sesuatu kejadian, asal usul nama tempat, memerihalkan tentang sesuatu peristiwa aneh yang pernah berlaku dan juga kisah tentang tokoh-tokoh tempatan yang pernah menjadi kenangan penduduk setempat kerana memiliki keistimewaan atau jasa bakti tertentu kepada masyarakat kampung berkenaan.

## CERITA LISAN DAN PELANCONGAN

Jika ditinjau daripada kajian yang terdahulu, Haron Daud (2011) pernah memperkatakan tentang perkaitan antara tradisi lisan dan pelancongan di Malaysia. Beliau telah menyarankan beberapa perkara supaya setiap tradisi lisan itu diangkat kembali dan ditempatkan di suatu tempat seperti perkampungan budaya untuk menarik kedatangan pelancong. Walau bagaimanapun, kajian Haron Daud tersebut hanya memfokuskan kepada tradisi lisan yang berbentuk persembahan sahaja seperti dikir barat, mak yong, main puteri, boria, wayang kulit dan lain-lain lagi.

Kelainannya, makalah ini secara lebih khusus akan memfokuskan cerita lisan atau sesetengahnya yang bersifat legenda yang berkaitan dengan sesuatu tempat yang terkenal sebagai tempat pelancongan di zaman kini sama ada di Malaysia dan di Singapura. Jika difikirkan, agak aneh untuk mengaitkan kedua-dua bidang yang kelihatannya agak berbeza dari sudut dan perspektifnya. Hal ini pernah disuarakan secara sinis oleh Haron Daud (2011) apabila beliau menyebut:

Dalam konteks Malaysia didapati hubungan tradisi lisan dengan pelancongan semacam dipisahkan oleh satu jurang yang dalam dan luas, dan dalam situasi hidup mati. Pelancongan sedang berkembang maju sedangkan tradisi lisan sedang mencari lubang窟 untuk disemadikan.

Pada hakikatnya memang agak asing jika dibandingkan kedua-dua bidang ini, apakah lagi untuk digandingkan bagi menjalankan satu peranan yang besar. Namun demikian, jika dilihat daripada satu sudut yang positif, cerita lisan yang berbentuk naratif sememangnya mampu menarik perhatian khalayak. Segala yang berbentuk cerita mampu memberikan hiburan dan tatapan kepada khalayak sama ada di zaman silam ataupun di zaman kontemporari. Media hiburan seperti filem atau drama pun sememangnya bertolak daripada cerita. Hanya bagaimana kaedah cerita lisan itu dimanfaatkan untuk pelancongan sahaja yang menjadi cabarannya.

Dalam konteks pelancongan pula, cerita lisan mempunyai perkaitan apabila sesuatu tempat yang dikunjungi itu turut memiliki cerita yang tersendiri. Cerita itu pula bukanlah cerita yang baru tetapi cerita-cerita yang telah diungkapkan oleh masyarakat silam dan ia diketahui oleh masyarakat setempat. Cerita-cerita yang berkaitan dengan sesuatu tempat pelancongan yang menarik seolah-olah muncul sebagai satu pakej. Apakah lagi jika ia

mempunyai beberapa bentuk muka bumi atau unsur alam yang agak aneh dan seterusnya ada cerita yang menghuraikan dan menerangkan keadaan tersebut. Cerita-cerita lisan yang berkait dengan sesuatu tempat itu memang pernah diungkapkan oleh beberapa pengkaji sebelum ini.

Mohd Khalid Taib (1991) telah menggariskan beberapa kategori kecil dalam menentukan sifat-sifat cerita atau legenda asal usul sesuatu tempat:

1. Berunsur historiografik: masih rapat dengan fakta-fakta sejarah tempatan.
2. Berunsur tokoh istimewa: tokoh yang menjadi pengasas di sesuatu tempat, memiliki kuasa luar biasa seperti memiliki sifat wali atau keramat.
3. Berunsur tanda-tanda alam yang masih dapat dilihat pada bentuk-bentuk tertentu pada sisi alam semula jadi.
4. Berunsur cerita orang tua-tua: tokoh, aksi watak, latar masa, dan latar tempat lebih mirip kepada apa yang wujud dalam genre cerita rakyat.

Dalam konteks cerita lisan di Malaysia dan Singapura yang dikaji banyak berkaitan dengan ciri ketiga dan keempat iaitu penamaan tempat yang berkaitan dengan bentuk muka bumi seperti *Cerita Gunung Mat Cincang* di Langkawi yang dikaitkan dengan rupa bentuk gunung dan juga *Cerita Pulau Ubin* di Singapura yang dikaitkan batu-batu di pulau tersebut. Manakala ciri keempat pula lebih mendominasi cerita-cerita lisan ini kerana kebanyakannya memang kisah-kisah yang mempunyai plot, watak, aksi yang menarik dan mendebaran. Ciri ini jelas terpapar dalam *Cerita Pulau Kusu* mengisahkan tentang watak binatang dan manusia yang bertemu dalam keadaan genting di laut, manakala *Cerita Merlion* di Singapura juga turut memunculkan watak sejenis makhluk aneh yang berjaya menentang kuasa alam. *Cerita Mahsuri, Batu Kapal* dan *Tok Syeikh* di Kedah pula menjelaskan watak seorang wanita yang luar biasa, watak gergasi yang boleh menyumpah menjadi batu dan juga watak orang alim yang dianggap keramat. Berikut adalah beberapa cerita lisan berkaitan pelancongan yang dikumpul melalui kajian lapangan / wawancara informan dan juga melalui koleksi yang termuat dalam beberapa laman web.

## SINGAPURA

### *CERITA PULAU KUSU (KUSU ISLAND)*

Diceritakan pada awal abad ke-19 dua orang pengamal agama telah datang ke Pulau Kusu untuk tujuan pertapaan. Seorang Arab bernama Dato Syed Rahman dan seorang Cina bernama Yam. Suatu hari Yam jatuh sakit. Makanan mereka juga mula kehabisan. Syed Rahman tidak tinggalkan Yam keseorangan dan terus berdoa untuk kesembuhan Yam. Secara tiba-tiba muncul sebuah kapal yang penuh dengan makanan dan Yam pula sembuh sepenuhnya. Mereka anggap pulau tersebut penuh dengan kebaikan.

Dalam satu lagi versi, dikatakan dua orang nelayan, sorang Melayu dan seorang Cina telah dilanda ribut yang kuat dan tercampak ke laut. Namun secara tiba-tiba muncul seekor kura-kura gergasi dan menjelma sebagai sebuah pulau. Nelayan tersebut berjaya naik ke pulau tersebut dan selamat daripada lemas. Untuk membala jasa kura-kura yang dianggap suci itu mereka telah membina tempat ibadat untuk orang Cina dan juga tempat ibadat untuk Orang Melayu di atas pulau tersebut.

### *CERITA PULAU UBIN*

Pada zaman dahulu dikatakan ada tiga ekor binatang iaitu gajah, katak dan khinzir telah mencabar antara satu sama lain untuk berenang menyeberangi ke pantai Johor dari Singapura. Namun mereka berjanji, sesiapa yang gagal akan menjadi batu. Percubaan oleh katak telah gagal, katak akhirnya bertukar menjadi batu dan itulah Pulau Sekudu (Pulau Katak). Manakala gajah dan khinzir juga gagal menyeberangi dan kedua-duanya bertukar menjadi batu serentak dan itulah terjadinya Pulau Ubin. Nama ubin itu sendiri dikaitkan dengan batu-batu.

## MERLION

Diceritakan pada suatu malam penduduk yang tinggal di selatan laut Temasek terkejut dengan ribut yang kuat dan ombak yang sangat ganas. Awan hitam telah muncul dan menutup sinaran bulan sehingga keadaan menjadi gelap gelita. Penduduk yang ketakutan hanya mampu berdoa untuk keselamatan mereka.

Namun tiba-tiba kelihatan satu cahaya di tengah laut muncul. Muncul kelibat satu makhluk aneh iaitu separuh badan singa dan separuh ikan sedang mengaum ganas seakan-akan sedang mencabar alam yang gelap itu. Alam terus menyerang makhluk tersebut dengan kilat dan halilintar. Penduduk sangat takut dan tidak pernah melihat fenomena tersebut.

Lama-kelamaan alam kembali cerah dan ribut berhenti serta air laut menjadi tenang semula. Makhluk itu meraikan kejayaannya dengan berdiri di atas Gunung Imbiah di Pulau Belakang Mati atau Pulau Sentosa sehingga keesokan harinya. Selepas itu *Merlion* kembali ke laut dengan meninggalkan jejak yang berbahaya di belakangnya.

Namun demikian, ada versi cerita *Merlion* yang lain. *Merlion* itu dikatakan seekor binatang yang ditemui oleh Sang Nila Utama semasa pembukaan Temasek. Kepala singa itu sebagai simbol kemegahan negara, manakala ekor ikan itu sebagai simbol Singapura sebagai pelabuhan terkenal. (dilakarkan berhampiran patung *Merlion*)

## MALAYSIA

### CERITA LEGENDA MAHSURI DI PULAU LANGKAWI

Mahsuri merupakan seorang wanita yang telah difitnah oleh seorang penghulu yang bernama Wan Yahaya dan memakai gelaran Datuk Pekerma Jaya. Punca fitnah adalah atas dasar iri hati isteri penghulu tersebut iaitu Wan Mahora kerana Mahsuri seorang yang cantik dan sering mendapat perhatian ramai lelaki termasuk suaminya. Mahsuri telah difitnah berkelakuan sumbang dengan seorang perantau ketika suami Mahsuri tiada di rumah. Tanpa usul periksa penghulu telah jatuhkan hukuman bunuh kepada Mahsuri. Semasa ditikam darah putih telah memancut keluar dan ketika itulah Mahsuri telah menyumpah Langkawi tidak akan aman selama tujuh keturunan.

### CERITA GUNUNG MAT CINCANG DI PULAU LANGKAWI

Dipercuryai zaman dahulu ada dua orang yang gagah perkasa. Ada versi mengatakan mereka itu gergasi yang bernama Mat Cincang dan Mat Raya. Suatu masa kedua-dua anak mereka ingin berkahwin. Maka segala persiapan dan makanan disediakan

dengan begitu hebat. Namun tiba-tiba berlaku pergaduhan besar antara Mat Cincang dan Mat Raya. Akibat amukkan itu habis belanga di lempar ke bawah oleh Mat Cincang. Belanga itu jatuh ke bawah dan pecah. Tempat itu sekarang dikenali sebagai Belanga Pecah. Kemudian dilempar juga bekas makanan dan tumpah semua kuah yang telah dimasak. Kuah itu mengalir dan terhimpun di suatu tempat, itulah dinamakan pekan Kuah sekarang. Mat Raya pula lemparkan cincin pertunangan dan jatuh ke dalam laut. Lalu tempat itu dinamakan Selat Cincin. Selepas itu muncul seorang bernama Mat Sawar yang menenangkan pergaduhan itu. Sebab itulah antara Gunung Mat Cincang dan Gunung Raya, di tengah-tengahnya ada satu Bukit Sawar.

### LEGENDA BATU KAPAL DI GUNUNG JERAI, KEDAH

Gunung Jerai di Kedah juga menyimpan pelbagai kisah. Antara cerita legenda Batu Kapal. Dikatakan zaman dahulu ada seekor gergasi yang bernama Sang Kelembai yang boleh menyumpah sesuatu menjadi batu. Antara yang disumpahnya ialah sebuah kapal yang besar. Sehingga sekarang batu besar yang menyerupai kapal masih dapat dilihat di kawasan Gunung Jerai ini. Selain batu berbentuk kapal, kelihatan juga beberapa imej menyerupai kepala manusia, ikan, jari-jari yang besar dan banyak lagi yang kesemuanya adalah batu. Kawasan sumpahan ini dianggap sebagai kawasan atau wilayah.

### LEGENDA TOK SYEIKH DI GUNUNG JERAI, KEDAH

Selain wilayah hitam, di Gunung Jerai juga ada wilayah putih. Wilayah ini dianggap dihuni oleh orang alim yang bernama Syeikh Abdullah Yamani. Kawasan ini ada sebuah padang yang agak luas dan juga sebuah telaga yang dikaitkan dengan tempat tinggal Syeikh tersebut ketika beliau datang ke Gunung Jerai. Kawasan padang tersebut dikatakan tempat beribadat dan dianggap suci. Namun Syeikh itu mula ghaib selepas ada pihak luar mula mengunjungi tempat tersebut untuk tujuan khurafat. Walau bagaimanapun, akan berlaku beberapa kejadian aneh di kawasan itu jika ia cuba disalahgunakan. Sehingga kini kawasan lapang berbatu itu dipanggil ‘Padang Tok Syeikh’.

## KAEDAH PAPARAN CERITA LISAN UNTUK TARIKAN PELANCONGAN

### CERITA LISAN DALAM LAMAN WEB PELANCONGAN

Cerita-cerita lisan yang dipaparkan di atas secara khusus telah digunakan sebagai salah satu sumber tarikan pelancongan di beberapa tempat di Malaysia dan Singapura. Walaupun peranannya tidak setanding dengan promosi besar-besaran yang dilakukan agensi berkaitan, namun penggunaan cerita lisan ini mampu memberikan keunikan kepada tempat-tempat yang berkenaan. Makalah ini cuba mempamerkan dan membuktikan bahawa cerita-cerita lisan ini benar-benar telah digunakan sebagai promosi pelancongan dan bukan atas dasar interpretasi atau andaian semata-mata untuk mengaitkan fungsi tersebut.

Cerita-cerita lisan ini telah dimasukkan dalam beberapa laman web tertentu yang mempromosikan pelancongan secara khusus. Kebiasaannya setiap tempat yang menjadi tumpuan pelancong pastinya ada laman webnya tersendiri untuk mempromosikan tempat berkenaan. Justeru, ada beberapa laman web sedemikian yang memasukkan cerita lisan atau legenda berkaitan tempat yang sedang dipromosikan itu. Dalam era kontemporari kini, penggunaan media baru seperti web pelancongan ini sangat berkesan kepada khalayak umum atau kumpulan sasaran. Maklumat lengkap, warna-warni dan segala bentuk promosi mampu menarik perhatian umum. Maka, cerita lisan yang dimasukkan bersama di dalamnya menjadikan tempat itu lebih unik dan istimewa untuk menggantit pelancong.

Seorang sarjana *folklore* dari Barat, Alan Dundes pernah membayangkan situasi di mana cerita lisan atau *folklore* itu akan sampai kepada khalayak dengan penggunaan teknologi baru. Pada pandangan beliau, teknologi itu tidak akan mengubah apa itu *folklore* tetapi hanya mengubah cara penyampaian kepada khalayak generasi baru sahaja (lihat Trevor 2009:29):

*Alan Dundes was among the first folklorists during the 1970s to spot the computer's leavening folklore. "So isn't stamping out folklore; rather it is becoming a vital factor in the transmission for the generation of new folklore and it is providing an exciting source of inspiration for the generation of new folklore".*

Di Singapura, cerita lisan tentang *Merlion* telah dimuat naik dalam laman web Pulau Sentosa. Pulau Sentosa yang sangat terkenal sebagai tumpuan

pelancong turut ketengahkan cerita lisan dalam web mereka sebagai salah satu tarikan kepada tempat berkenaan. Khalayak umum atau bakal pelancong yang melihat web tersebut secara tidak langsung akan mengetahui serba ringkas tentang kisah makhluk aneh tersebut. Cerita-cerita aneh sedemikian sedikit sebanyak akan menambah minat dan mendorong pelancong untuk melihatnya lebih dekat. Pengetahuan dan maklumat tentang cerita ini bukan sahaja terbatas kepada warga Singapura tetapi teknologi maya sedemikian mampu menerobos ke seluruh dunia.



RAJAH 1. Laman Web Pelancongan Berkaitan *Merlion*

*Kisah Pulau Ubin* tentang perlumbaan binatang menyeberangi laut antara Singapura dan Johor juga turut ditonjolkan dalam salah satu web mempromosikan pelancongan di Pulau Ubin. Dalam web <http://www.wildsingapore.com> secara jelas memaparkan cerita tersebut pada bahagian atas web tersebut. Cerita lisan yang turut berkaitan dengan bentuk-bentuk batu yang terdapat di Pulau Ubin tersebut sememangnya unik untuk diketahui oleh pelancong. Keadaan batu-batu di situ seolah-olah ada cerita di sebaliknya. Dalam konteks ini cerita lisan itu dapat divisualisasikan melalui unsur alam yang wujud di sekitar pulau berkenaan.

The screenshot shows the Wild Singapore homepage with a search bar for 'wildsingapore'. Below it, there's a menu with links like 'wild places', 'wild happenings', 'wild news', 'make a difference for our wild places', 'upcoming ubin happenings', 'tips for visitors', 'volunteer for ubin', 'ubin in the news', 'nature guides and organised trips', 'pulau ubin introduction', 'ubin town', 'east route', 'north route', 'west route', 'sitemap', and 'links'.

**Legends of Ubin**

**The traditional story of Ubin's formation tells of a Frog, a Pig and an Elephant that challenged each other to a race from Singapore to Johor across the Straits. Anyone that failed would be turned into a rock. The frog failed and turned into Pulau Sekudu or Frog Island, which has a large frog-shaped boulder. The Pig and Elephant also failed and turned into Pulau Ubin.**

**The story seems curious as Ubin appears to us as one island today. So why did the Pig and the Elephant?**

**According to one account, Ubin was originally two islands divided by the Jelutong River. When prawn farming took off on the island, mud banks (called bunds) were used to dam the river and thus eventually joined the two halves.**

[Back to exploring Ubin](#)

[Links](#)

RAJAH 2. Laman web pelancongan berkaitan Pulau Ubin  
Sumber: <http://www.wildsingapore.com>

Selain itu di Singapura juga dilihat turut memasukkan Kisah Pulau Kusu dalam web pelancongan mereka tentang Pulau Kusu. Cerita tentang dua orang nelayan yang diselamatkan oleh seekor kura-kura gergasi yang akhirnya mereka membina tempat ibadat di tempat tersebut sebagai tanda kesyukuran menjadikan promosi tempat tersebut bertambah menarik. Hal ini disebabkan pulau itu sekarang memang terkenal dengan tempat ibadat dan sering dikunjungi oleh orang ramai dan pelancong. Dalam konteks ini, cerita lisan secara tidak langsung menjadi salah satu sumber maklumat terhadap keadaan sesuatu tempat.

The screenshot shows the 'Place of interest' section for Kusu Island. It features a large image of the island and several smaller images of the surrounding area. A link to 'About Kusu Island' is provided.

**About Kusu Island**

Kusu Island is one of the Southern Islands in Singapore, located about 5.6 kilometres to the south of the main island of Singapore. The name Kusu means "Tortoise" or "Turtle" in Chinese; the island is also known as Peak Island or Pulau Tembusuk in Malay. From two tiny outcrops on a reef, this island was enlarged and transformed into an island holiday resort of 85,000 square metres today.

**The Story....**

The island got its name when stories passed by the Malays and Chinese in Singapore, citing that a giant tortoise turned itself into an island in order to save two shipwrecked sailors, a Malay and a Chinese near the Singapore waters. The sailors were so grateful to the tortoise that they returned to the island to give thanks. According to their belief, a Muslim kramat and a Taoist Shrine were built on the island. Since then, many other people have continued this tradition of giving thanks and prayers on the eleventh month of the lunar calendar which is also known as the "Kusu" season

RAJAH 3. Laman web berkaitan Pulau Ubin  
Sumber: <http://www.islandcruise.com.sg/kusu-island.html>

Keadaan sama turut berlaku di Pulau Langkawi, Malaysia. Promosi besar-besaran terhadap kereta kabel (*skycab*) di Gunung Mat Cincang turut memuatkan cerita lisan Mat Cincang dalam beberapa

web pelancongan yang berkaitan. Kisah tersebut dimasukkan secara lengkap dan boleh dibaca dengan mudah oleh khalayak apabila mengakses laman web tentang tempat tersebut. Kisah yang menceritakan tentang Gunung Mat Cincang yang pernah dihuni oleh Mat Cincang dan juga pernah berlaku pertempuran di atas sana menjadi unik kerana kereta kabel itu akan bergerak dari kaki gunung hingga ke puncak Gunung Mat Cincang. Secara tidak langsung mereka yang mengetahui cerita lisan tersebut pastinya akan terasa nostalgia kejadian silam apabila berada di puncak gunung tersebut.

The screenshot shows the 'Gunung Mat Cincang, Langkawi' page. It includes a header with social media links and a search bar. Below the header is an advertisement for 'Apple 1 Hotel' in Gerugor with a price of MYR120.00.

**Gunung Mat Cincang**

Gunung Mat Cincang is a spectacular mountain range near Batu Bay, on the northwestern part of Pulau Langkawi. At slightly over 700 meters, it is the second tallest peak in Pulau Langkawi after the 880-meter Gunung Raya. The mountain has been earmarked as one of the sites within the Langkawi Geopark development. The mountain is part of the Mat Cincang Formation, which dates back to the Paleogene period in the Miocene, some 50 million years.

A cable car ride up Gunung Mat Cincang, it is the Langkawi's latest attraction. Each of the 28 gondolas can carry six persons. There are three stations altogether, one at Cenang village, while another two on Gunung Mat Cincang. The cable cars travel a distance of over 2 kilometers with a vertical height of 680 meters.

There are two cable car stops on Gunung Mat Cincang. The Middle Station is 1.7 kilometers from the bottom station. Both stations have viewing platforms that offer spectacular views of the Langkawi Islands as well as mainland Kedah and even the Terulse Islands of Thailand.

**Legend of Gunung Mat Cincang**

According to local folklore, Gunung Mat Cincang, Gunung Raya and another smaller peak, Bukit Sauer, were once all human beings. They all shared the same martial arts puru.

According to the story, Mat Cincang's daughter was engaged to Mat Raya's son. However, there was a big quarrel between the two men on the wedding day that descended into a fight between the two childhood friends. Pots and pans and kitchen utensils were soon sent flying at each others' family. A big pot of curry for the wedding feast was overturned. It fell on a pot containing gravy. The gravy splashed onto the ground at Kitep and stopped at Kuan (Gravy), Langkawi's capital.

**Legend of Mount Mat Chinchang**

According to local legends, these two mountains, together with Bukit Sauer (Hill), is believed to be the abode of two beings of old time. At the sky gate, at the wedding reception of their children, King Chinchang and Queen Mat Chinchang, a pot of gravy fell on the ground. The gravy from the broken pot seeped into the middle of the mountain, a number of terraced spots around Langkawi were created. A pot of gravy fell in April, and the sun sets earlier in Langkawi. In May, the terraced fields in Langkawi are filled with the streams of water. Every year, the people here are able to see the light of the moon moving back and forth and Mat Chinchang chose to be transformed into a stone to observe the moon moving back and forth. If you look at the two mountains, you will notice that that hill that Chinchang is wedged in between, proves to prevent another fight between the two.

**Myths and Legends**

There are many legends and myths that brought the ages in Langkawi, the tales of legends. These myths and legends are part of the allure of Langkawi. The legends and the stories have now become a major attraction in tourist areas and visitors to visitors, to those who are interested in the legends and the stories will disappear into the folds of time. From the wrong persecuted tar maison to broken pots and streaming gravy to mystical adventures, you can find the history intertwined with amazing anecdotes of Langkawi's myths and legends. Discover these prominent stories, found in Langkawi's myths & legends.

RAJAH 4. Laman web pelancongan Langkawi yang tertera cerita lisan Mat Cincang  
Sumber: [http://www.asiaexplorers.com/malaysia/gunung\\_mat\\_cincang.htm](http://www.asiaexplorers.com/malaysia/gunung_mat_cincang.htm)

Perbualan secara tidak formal dengan beberapa orang tempatan di kawasan kaki gunung Mat Cincang juga mendapati cerita tersebut cukup terkenal di kalangan masyarakat tempatan. Menurut mereka, pelancong luar yang datang ke situ dan yang pernah membaca cerita berkenaan pasti akan bertanyakan kisah tersebut kepada mereka. Informan, Mat Bin Ali (69 tahun) seorang penduduk di Pulau Tuba Langkawi juga mengakui bahawa cerita lisan Mat Cincang itu memang asli dan sudah sekian lama diketahui oleh orang Langkawi. Malah bagi beliau, cerita lisan tersebut sebenarnya lebih besar dan hebat berbanding *Cerita Mahsuri* kerana berasaskan cerita Mat Cincang, ia mampu menerangkan beberapa nama asal tempat lain seperti Ayer Hangat, Kuah, Belanga Pecah dan beberapa tempat lagi. Berikut adalah beberapa laman web pelancongan yang memuat naik kisah tersebut.

#### CERITA LISAN DALAM BENTUK REPLIKA DAN CATATAN DI KAWASAN PELANCONGAN

Makalah ini juga akan memaparkan bagaimana cerita lisan ini telah dijelmakan dalam bentuk replika besar di beberapa tempat pelancongan utama di Pulau Langkawi, Gunung Jerai di Malaysia dan juga beberapa lokasi di Singapura. Sebagai contoh di Pulau Langkawi, legenda Mahsuri itu masih dapat dihayati ceritanya apabila dibina Kota Mahsuri yang di dalamnya terkandung Makam Mahsuri dan juga replika rumah Mahsuri yang dibina berasaskan saiz rumah sebenar. Manakala di sebelah makamnya pula dicatatkan kisah tersebut supaya mudah dibaca oleh pelancong. Menurut Ku Ahmad Ku Sulong (67 tahun) yang turut dilantik menjadi jurucakap di Kota Mahsuri berkenaan, pelancong dan pelawat yang datang ke situ pastinya akan meminta beliau menceritakan kisah Mahsuri tersebut sambil melawat di makam dan juga rumah Mahsuri tersebut. Menurut beliau, cerita Mahsuri akan terus kekal kerana wujudnya tempat-tempat tersebut.



FOTO 1. Makam dan Replika Rumah Mahsuri  
Sumber: Koleksi penulis

Kawasan pelancongan di Gunung Jerai juga tidak ketinggalan menggunakan cerita lisan sebagai sumber pelancongan. Legenda Tok Syeikh dan Legenda Batu Kapal telah dimunculkan dalam bentuk catatan dan binaan di puncak Gunung Jerai tersebut. Cerita-cerita lisan di Gunung Jerai, Kedah pernah dibincangkan oleh Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2013) dan dikaitkan dengan dua kawasan di gunung tersebut. Cerita Legenda “Tok Syeikh” dikaitkan dengan satu kawasan yang baik dan selamat, manakala cerita legenda “Batu Kapal” dikaitkan dengan sumpahan dan kawasan yang terlibat itu dianggap kawasan yang bahaya. Gambaran kehadiran Tok Syeikh, seorang alim yang dipercayai mempunyai keramat ditampilkan melalui sebuah telaga atau perigi yang dipercayai digunakan oleh Tok Syeikh ketika berada di puncak Gunung Jerai suatu masa dahulu. Cerita lisan ini juga turut dicatat dengan jelas dalam Muzium Sejarah Gunung Jerai. Kisah Batu kapal dan Tok Syeikh antara yang dipaparkan dan menarik perhatian pengunjung selain daripada maklumat-maklumat umum Gunung Jerai.



FOTO 2. Telaga Tok Syeikh  
Sumber: Koleksi penulis



FOTO 4. Merlion di Pulau Sentosa  
Sumber: Koleksi penulis



FOTO 3. Catatan Legenda Batu Kapal di Muzium Sejarah Gunung Jerai  
Sumber: Koleksi penulis



FOTO 5. Replika kura-kura di Pulau Kusu  
Sumber: <http://discoveringsingapore.com>

Kaedah yang sama turut dikongsi oleh negara Singapura apabila mereka turut membina replika besar yang berkaitan langsung dengan cerita-cerita lisan di sana. Kisah *Merlion* yang menampilkan watak singa dan berekor ikan serta kisah Pulau Kusu yang unik dengan watak kura-kura gergasi telah diabadikan dalam binaan yang sangat menarik di kawasan pelancongan Pulau Sentosa dan Pulau Kusu (lihat foto 4 dan 5). Wujudnya replika tersebut seolah-olah cerita lisan itu terus ‘diceritakan’ kepada khalayak umum atau pelancong yang melawat di kawasan berkenaan. Bentuk patung yang aneh sedemikian akan mengundang ghairah pelancong untuk mengetahui apakah cerita sebenar di sebalik replika itu. Dalam situasi sedemikian, pastinya seperti di Malaysia, cerita lisan *Merlion* dan Cerita Pulau Kusu di Singapura akan terus diingati ramai.

## RUMUSAN

Berdasarkan tinjauan dan penelitian awal terhadap hubungan cerita lisan dan pelancongan di Malaysia dan Singapura, didapati cerita lisan masih lagi relevan dan berfungsi dalam era kontemporari ini. Walaupun cerita-cerita lisan ini telah lama wujud dan ada sesetengahnya jarang didengari umum, namun dengan penggunaannya di sektor promosi pelancongan seolah-olah ia mendapat sinar semula. Khalayak umum yang bukan peminat atau penggiat sastera juga berpeluang mengetahui cerita berkenaan secara menyeluruh kerana ia telah dipapar secara terbuka melalui web dan pembinaan replika secara besar-besaran.

Tinjauan awal ini juga mendapati bahawa Malaysia dan Singapura secara jelas masih tidak

melupakan cerita-cerita lisan ini walaupun kedua-dua negara sama-sama bersaing dalam industri, pelabuhan, perniagaan antarabangsa dan lain-lain pendekatan komersil untuk menambah hasil negara. Walaupun jika dipandang dari jarak jauh seakan-akan cerita-cerita lisan ini telah terkubur dalam kenangan generasi tua di zaman ini dan mustahil untuk diangkat bersama perkembangan pesat kedua-dua negara, namun hakikatnya ia masih relevan dan tetap bermanfaat sehingga ke saat ini dalam industri pelancongan.

Selain bersama-sama menjaga korpus cerita lisan ini, Malaysia dan Singapura juga dilihat berkongsi kaedah dalam menggunakan cerita-cerita lisan ini untuk industri pelancongan. Penggunaan media baru seperti web dan portal sangat menyerlah dalam promosi kedua-dua negara. Ia memang selari apabila telah dipamerkan beberapa sebagai bukti tentang wujudnya usaha memuat naik cerita-cerita tersebut khusus terhadap pelancongan. Kaedah yang menggunakan teknologi ini seakan-akan menunjukkan cerita lisan itu telah berpindah dan menyebar ke pelosok yang lebih jauh dan tidak lagi terbatas dalam kelompok masyarakat persekitarannya sahaja.

Pembinaan replika yang berkaitan dengan watak-watak dalam cerita lisan ini juga turut membuktikan bahawa ia digunakan secara serius untuk mempromosikan sektor pelancongan sama ada di Malaysia atau Singapura. Usaha yang dilakukan di Taman Legenda Langkawi dan juga di Pulau Sentosa serta Pulau Kusu di Singapura membuktikan adanya siratan halus dan mendalam antara cerita dan pelancongan. Projek-projek yang menelan belanja yang tinggi sedemikian tidak akan dilakukan jika ia tidak memberi pulangan yang baik melalui kedatangan pelancong. Dalam keadaan ini, dua manfaat yang paling ketara ialah yang pertama; korpus cerita lisan yang penting dan terkenal akan terpelihara serta terus kekal bersama binaan replika tersebut, yang kedua pula; dapatlah dibuktikan sesungguhnya cerita lisan masih lagi memberi manfaat kepada Malaysia dan Singapura di era kontemporari ini.

#### NOTA

Makalah ini merupakan hasil penyelidikan Geran Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (304/HUMANITI/6311092) dan juga data-data yang diperoleh semasa Sabatikal 2014.

#### RUJUKAN

- Dundes, A. 1965. *The Study of Folklore*. Berkeley: University of California Press.
- Haron Daud. 2011. Tradisi lisan dan pelancongan di Malaysia: Satu saranan. Persidangan Tradisi Lisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Jamilah Hani Esa. 2010. Teks dan konteks: Budaya masyarakat desa dalam cerita lisan terpilih negeri Perak. Disertasi Mod Campuran, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. 2008. Pura Taman: Antara Dalang dan Dagang. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. 2013. Dua wilayah dalam Legenda Gunung Jerai di Kedah. *Jendela Utara*, April.
- Mohd Taib Osman dan Hassan Ahmad. sunt. 2004. *Karya Agung Cerita Lipur Lara Mir Hassan dan Pawang Ana*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mohd Taib Osman. 1982. *Manual for Collecting Oral Tradition with Special Reference to South East Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Khalid Taib. 1991. Legenda-legenda nama tempat dan orang terkenal di Semenanjung Malaysia. Dlm. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*, disunting oleh Mohd Taib Osman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Mohd Isa. 1987. *Awang Belanga: Penglipur Lara dari Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trevor J. Blank. 2009. *Folklore and the Internet*. Utah: Utah State University Press.

#### Laman web

- <http://www.islandcruise.com.sg/kusu-island.html> capaian 24/10/2013
- <http://remembersingapore.wordpress.com.html> capaian 27/10/2013
- [http://www.asiaexplorers.com/malaysia/gunung\\_mat\\_cincang.htm](http://www.asiaexplorers.com/malaysia/gunung_mat_cincang.htm) capaian 29/10/2013
- <http://www.wildsingapore.com>

#### Informan

- Ku Ahmad Bin Ku Sulong, 67 tahun  
Kg Perana, Langkawi
- Ramli Bin Aziz, 50 tahun  
Yan, Kedah
- Mat Bin Ali, 69 tahun  
Pulau Tuba, Langkawi

Mohamad Luthfi Abdul Rahman (Dr.)  
Bahagian Kesusastraan  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
E-mel: ??

